

06/08/1998

Perdana Menteri lawat Perak

IPOH, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengadakan lawatan separuh hari ke Perak petang esok.

Dr Mahathir akan menemui pemimpin masyarakat serta pertubuhan dan pegawai kanan kerajaan.

Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba di sini pada jam 3.15 petang sebelum menghadiri perhimpunan bersama rakyat di Stadium Indera Mulia jam 3.30 petang.

Selepas itu, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan makan malam di kediaman Menteri Besar di sini pada jam 8 malam.

(END)